

Muhamad Zulfiqar
Mustapa

Yang Dipertua
Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Pertahanan
Nasional Malaysia



UPNM lahir pemimpin berperwatakan

Ada pandangan mengatakan institusi ketenteraan ialah entiti terpenting bagi sesebuah negara bagi memastikan kewujudan institusi bermasyarakat. Tanpa institusi ketenteraan, sesebuah negara yang merdeka akan mudah diancam oleh kuasa luar dan menyebabkan institusi bermasyarakat menjadi goyah. Berperanan sebagai penjaga keamanan sesebuah negara, institusi ketenteraan turut menjadi pelindung demokrasi dan kestabilan, bukan penghapus.

Untuk mencapai keamanan sejagat, kita perlu membangunkan program pendidikan yang mampu menghasilkan pemimpin dengan pemikiran, pengetahuan, dan kemahiran, yang dikehendaki untuk mendepani cabaran millennium ini dan masa hadapan.

Menyadari kepentingan barisan pelapis pemimpin negara, penubuhan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia direalisasikan hasil cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (Menteri Pertahanan ketika itu) bertujuan memenuhi hasrat Kementrian

Pertahanan mewujudkan universiti bertaraf antarabangsa berteraskan ketenteraan.

Falsafah penubuhan UPNM adalah sebagai institusi nasional premier berdedikasi dalam menghasilkan pemimpin berintelektual yang menyerlah serta ber-sifat terpuji dan komited untuk berbakti kepada negara dalam menjayakan kelangsungan kepentingan strategik negara.

Pendekatan holistik

Untuk itu, sistem pendidikan UPNM menumpukan usaha memupuk pembangunan intelektual melalui pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan dalam suasana ketenteraan bagi melahirkan pegawai tentera atau graduan yang mempunyai keberbadian dan etika ketenteraan yang tinggi.

Pelajar UPNM diterapkan dengan coganata 'Kewajipan, Maruah, Integriti' sebagai persiapan menjadi pemimpin masa hadapan yang mempunyai jati diri dan intelektual yang tinggi.

Konsep Intellectual Leader of Character turut diterapkan antaranya bakal pemimpin diberikan ilmu

akademik dan dilatih secara holistik di samping penerapan ilmu fizikal, mental dan spiritual.

Pembangunan karakter ialah perkara asas dalam setiap institusi seperti UPNM. Kejayaan seseorang individu bergantung kepada tahap pemikiran, wawasan, ketekunan dan disiplin. Setiap latihan bagi meningkatkan pembangunan karakter perlulah dilakukan setiap hari dan berterusan.

Latihan mahasiswa UPNM difokuskan dalam empat bidang kritikal iaitu akademik, fizikal, ketenteraan, etika dan kerohanian. Pelajar diajar agar memiliki keseimbangan dari aspek kebebasan berfikir, indoktrinasi dan regimentasi.

Pendekatan pendidikan secara bimbingan dan latihan perlu diguna pakai, bukannya pendekatan autokratik. Pendekatan ini dilaksanakan bagi melahirkan pemimpin yang mempunyai kepercayaan, gerak hati, gaya pemikiran, visi, misi yang sama bagi memastikan setiap operasi yang bersepadu mampu mencapai matlamat yang sama.

“

PENCAPAIAN PELAJAR SEPANJANG TEMPORH PEMBELAJARAN CUKUP UNTUK MENJADIKAN MEREKA SEORANG YANG PROFESIONAL DALAM BIDANG MASING-MASING”

Prinsip pembelajaran kognitif

Konsep pendekatan pembangunan mental perlu menggunakan prinsip pembelajaran kognitif dan pendekatan

seperti dialog Socrates, gaya pembelajaran Vygotsky dan pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah dalam sistem pendidikan dan latihan pegawai tentera.

Pembangunan psikomotor seperti perarakan dan berkad tidak dapat lari daripada amalan prinsip tindak balas rangsangan dan teknik pengulangan. Pendidikan dan latihan di UPNM menggunakan tiga peringkat metodologi yang mempunyai fasa pengenalan, reformasi dan pelaksanaan.

Pencapaian pelajar sepanjang tempoh pembelajaran cukup untuk menjadikan mereka sebagai seorang yang profesional dalam bidang masing-masing dan mampu mendepani sebarang masalah secara intelektual dan kemahiran insaniah yang mencukupi.

Sistem pendidikan dan latihan pegawai tentera dan bakal pemimpin negara ini adalah istimewa kerana memberi penekanan terhadap pelbagai pengetahuan dan kemahiran awal yang diperlukan dalam sesuatu kerjaya.

Sistem yang dimanakan Intellectual Leader of Character ini mampu melahirkan pemimpin masa depan yang berdaya saing dan mempunyai kemahiran yang holistik